

Saifulislam.Com

Erti Hidup Pada Memberi

[RSS Feeds](#) [Follow me on Twitter!](#)

- [Home](#)
- [Artikel](#)
- [Audio](#)
- [Beli Buku](#)
- [Hubungi](#)
- [Iklan](#)
- [Jadual Aktiviti / Jemputan](#)
- [MODUL STC](#)
- [Biodata](#)

« [‘Agama’ Yang Anti Agama](#)
[Perasaan Itu Datang Kembali](#) »

Menjernihkan Perubahan PAS – DAP



“Susah nak ceramah bab Negara Berkeadilan ni”, antara keluhan yang terdengar semasa kempen pilihanraya baru-baru ini.

Perubahan pendekatan yang ditunjukkan oleh PAS sepanjang tempoh kempen, merupakan suatu proses yang mencabar. Biar pun taklimat telah dibuat oleh kepimpinan tertinggi PAS kepada jenteranya semasa melancarkan manifesto tempoh hari, ada beberapa persoalan yang lebih mendasar, memerlukan kepada perincian.

Ada serba sedikit kesulitan yang timbul semasa tempoh kempen. Pendekatan-pendekatan baru diperlukan oleh penceramah PAS untuk menghuraikan konsep keadilan, hasrat memimpin masyarakat majmuk Malaysia, apatah lagi dengan kehadiran pendengar ke ceramah PAS yang amat berwarna warni. Hadirin sudah tidak lagi berkopiah dan berserban, malah merentasi segala ragam manusia, termasuklah kaum Cina dan India, terutamanya di Lembah Kelang.

Keadaannya semacam tidak kena untuk bercakap tentang subjek biasa seperti UMNO itu fahaman Kebangsaan dan Sekular, apatah lagi untuk menyentuh tentang hudud dan Negara Islam. Penceramah dan jentera yang terbabit di dalam kempen senada, memfokuskan kepada isu-isu bersama seperti tekanan ekonomi, penyelewengan, rasuah dan politik wang, dan isu Pak Lah tidur!

KEBAJIKAN ISU ISLAM

Bagi saya, isu Negara Berkeadilan adalah isu yang sangat Islamik. Banyak ayat al-Quran dan Hadith Nabi SAW yang memperkatakannya, malah sokongan sejarah juga amat banyak. Saya tidak perlu mengurangkan petikan al-Quran atau Hadith semata-mata mahu meMalaysiakan bahasa kempen saya. Untuk saya, persoalan keadilan rakyat dan ketelusan pemerintahan, adalah isu Negara Islam, urusan Islam dan saya memperkatakannya dengan merujuk kepada prinsip dan akhlak Islam.

Tetapi bagaimana pula penceramah yang lain?

Atau jika soalan itu boleh diperpanjangkan lagi... bagaimanakah persepsi keseluruhan ahli dan kepimpinan PAS terhadap perkembangan ini?



Calon-calon BA bersama penyokong-penyokong yang begitu bersemangat

STRATEGI, UBAH PRINSIP, ATAU SEMAKAN SEMULA?

“Nak sangat kuasa, sampai sanggup gadai prinsip!”, kata-kata begini terdengar di sana sini.

“Mana pergi Negara Islam PAS?”, soal seorang yang lain.

“Dulu bermusuhan, tetapi akhirnya jadi kawan”, kata Najib dalam kempenya tempoh hari, merujuk kepada perkembangan DAP dan PAS.

“Berpolitik tanpa prinsip!”, kias SS Mufti Perlis dalam kolumnya di Mingguan Malaysia. Perlis satu-satunya negeri yang berjaya mengekalkan pemerintahan BN di Wilayah Koridor Utara.

Perubahan yang berlaku kepada PAS merupakan persoalan yang membabitkan dua dimensi pemerhatian. Dari satu sudut, apakah sebenarnya yang berlaku kepada PAS dari kacamata PAS sendiri? Apakah ini sekadar strategi pilihanraya, atau PAS sudah letih dan hilang keyakinan kepada Negara Islam yang diperjuangkannya, atau pun PAS telah memberikan definisi baru kepada Negara Islam dan idea politik Islamnya?

Saya melihat persoalan ini belum terjawab secara sekata oleh PAS sendiri. Ketidakjelasan terhadap mekanisma yang menjana perubahan PAS dalam PRU12, menjadikan sulit untuk PAS menangkis permainan media yang cuba melakukan provokasi bahawa Kedah bakal menyaksikan terlaksananya Hudud!



Di dalam temubual yang disiarkan di Detikdaily (Ahad 16 Mac 2008) , Lim Kit Siang menyebut:

“Jika diimbis sejarah hubungan DAP dan Pas, ia bermula selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan kedua-dua parti bekerjasama atas objektif yang sama dengan melancarkan manifesto untuk menjadikan Malaysia negara yang adil, demokratik dan bersih. Dalam tempoh itu, isu negara Islam tidak menjadi hal kerana ia bukan objektif jalinan kerjasama antara semua parti pembangkang. Malangnya, selepas pilihan raya 1999, Pas yang memenangi 27 kerusi Parlimen bertindak agresif menekankan pelaksanaan negara Islam dan hukum hudud, menyebabkan DAP tidak tahan. Memandangkan DAP gagal mengubah Pas dan tiada sokongan parti lain, DAP keluar BA dan sejak itu, DAP dan Pas tiada hubungan kecuali melibatkan isu-isu semasa antaranya anti-ISA, bersih dan hak-hak manusia.”

Kegusaran ini dapat dielakkan jika PAS dapat mendokumentasikan perubahan yang dilakukannya dalam PRU12. Perubahan itu perlu dijernihkan, diperjelaskan agar tiada salah faham yang timbul, malah memberikan keuntungan kepada PAS untuk terus bergerak dengan pendekatan yang relevan dan semasa.

CHALLENGE AND RESPONSE

Challenge and response, adalah prinsip yang sering saya utarakan untuk membawa isu seperti ini kepada suatu konsep. Sebagaimana gerakan Islam muncul sebagai reaksi kepada tribulasi yang menimpa umat Islam, khususnya di era modernisasi pasca kejatuhan kuasa Islam terakhir di Turki pada tahun 1924, maka reaksi itu terus berkembang dari semasa ke semasa.


Politik Islam mestilah dilihat secara dinamik, dikaitkan dengan konteks yang berbeza-beza dari sebuah negara ke sebuah negara, dan dari satu masa ke satu masa. **Politik Islam tidak boleh dipandangan secara monolitik** seolah-olah setiap satu perkara hanya ada satu definisi dan tafsiran secara statik.

Hanya ada satu makna Negara Islam.

Hanya ada satu makna Sekularisma.

Hanya ada satu makna Demokrasi.

Hanya ada satu definisi PAS dan satu wajah DAP!



[Amazon](#)

Selepas menganalisa tentang perkembangan yang berlaku kepada gerakan-gerakan Islam di Mesir, Algeria, Tunisia dan Turki, John L. Esposito di dalam bukunya, *The Islamic Threat: Myth or Reality?* membuat kesimpulan yang sama. Namun beliau telah mengenengahkan beberapa faktor yang perlu diberikan perhatian oleh gerakan Islam, seperti PAS di Malaysia.

Katanya:

*“... theoretical or ideological statements are often not accompanied by specific models for change. **Islamic movements tend to be more specific about what they are against than what they are for.** While all may speak of an Islamic order or state, of implementation of the Sharia, of a society grounded more firmly on Islamic values, the details are often vague. This has been true for older movements such as Egypt’s Muslim Brotherhood as well as for more recent groups. After the electoral victory of Algeria’s FIS (Islamic Salvation Front), when Abbas Madani was questioned about his program, he described it as broad. When pressed for its practical steps, he replied, “Our practical program is also broad” ...” [muka surat 208]*

Dalam erti kata yang lain, terdapat vakum pada agenda politik Islam yang menyulitkan masyarakat untuk membaca dan menafsir dengan betul terhadap apakah sebenarnya yang berlaku di sebalik perubahan yang dijana.



[*foto*](#)

Di ruangan Surat Pembaca e-akhbar Malaysiakini bertarikh 14 Januari 2008, Norman Fernandez telah menimbulkan soalan yang sama. Beliau bertanya, [“Benarkah PAS Sudah Ubah Matlamatnya?”](#).

Tentu sahaja 3 bulan pertama 2008 telah menyaksikan banyak perubahan yang berlaku. Lim Kit Siang di dalam temuramah bersamanya yang disiarkan di Detikdaily (Ahad 16 Mac 2008) , beliau menyebut:

*Segala-galanya berubah selepas 8 Mac setelah rakyat dari semua bangsa mahu perubahan. Apabila tidak ada satu parti yang betul-betul kuat untuk menubuhkan kerajaan, tiga parti pembangkang membentuk pakatan dan **memaksa DAP menilai semula hubungan dengan Pas demi merubah keadaan di Perak dan Selangor.***


Inilah yang perlu digarap oleh PAS. Peluang untuk mengemaskinikan agendanya, mengolah kembali ideanya tentang politik Islam, Negara Islam dan pendiriannya tentang cabaran sekularisma, demokrasi, hubungan antara kaum, dan hal-hal yang lebih pluralistik sifatnya.

Sudah tentu hal ini bukan merupakan sesuatu yang mudah. PAS terbentuk dari pada *ideologue* yang datang daripada latar belakang yang amat pelbagai. Sebahagiannya merupakan ilmuan yang datang dari kerangka Pengajian Islam manakala sebahagiannya pula adalah golongan profesional yang datang dari bidang sains, khususnya sains aplikasi seperti kejuruteraan, perubatan dan yang seumpama dengannya.

Di sinilah perlunya peranan besar golongan profesional khususnya saintis sosial yang berada di dalam PAS untuk memainkan peranan kerana saintis sosial di dalam sains politik, sejarah dan sosiologi bertugas untuk **memperbaiki dan membetulkan teori.**

Apakah kefahaman yang mendominasi kaderisasi PAS bahawa sekularisma itu hanya ada satu warna dan sentiasa bertentangan dengan agama, khususnya agama Islam? Hal ini perlu diperbaiki untuk proses *bridging* dan menyesuaikan perjuangan PAS dengan realiti semasa di Malaysia.

Misalnya Asghar Ali Engineer, seorang ilmuan dari India, pernah menulis sebuah kertas kerja bertajuk ISLAM AND SECULARISM. Beliau mencadangkan penafsiran yang lebih terbuka terhadap Islam dan Sekularisma untuk membuktikan bahawa banyaknya titik temu di antara Islam dan Sekularisma, dan bukannya sentiasa berlaga kepala sebagaimana yang disangkakan oleh kebanyakan pendokong PAS, juga DAP.



[Amazon](#)

Katanya:

“Now, the important question is can Islam and secularism go together? We have already said above that religion and secularism can go together or not, depending on the interpretation of both religion as well as secularism. If religion is interpreted in keeping with very conservative traditions, it may be difficult for it to go along with secularism which demands more liberal disposition and not only tolerance but also promotion of pluralism. On the other hand, if secularism is interpreted too rigidly (i.e., if it is equated with atheism), as many rationalists do,

Demi sebuah Malaysia yang lebih baik untuk seluruh rakyatnya, demi membuktikan secara praktikal bahawa Islam itu adalah rahmat kepada rakyat Malaysia, demi untuk membuktikan bahawa *Malaysian Malaysia* adalah formula yang adil untuk semua kaum di Malaysia, maka kedua belah pihak iaitu PAS dan DAP perlu sama-sama mengembangkan ideologi masing-masing dan hari ini adalah peluang terbaik apabila kita semua telah dibebaskan daripada kefahaman sempit UMNO yang membelenggu pemikiran seluruh warga Malaysia selama ini.

UMNOisma (saya tidak berjumpa dengan perkataan yang lebih tepat kerana sejak sekian lama UMNO sudah tidak lagi berjuang atas satu idea dan pemikiran kecuali *self interest*) sebagai sumbatan minda utama masyarakat kita sudah tercabut. Gunakan peluang kerjasama di Perak dan Selangor untuk membangunkan secara praktikal ideologi masing-masing.

PAS perlu menyemak semula perkara-perkara teras yang menjadi asas perjuangannya dan menterjemahkannya dalam bentuk wacana perkaderan untuk pendukungnya, juga kaum Muslimin di Malaysia. Manakala DAP pula perlu menyemak kembali apakah yang dimaksudkannya dengan sekularisma, *Malaysian Malaysia* serta menterjemahkan semakan itu kepada ahli-ahlinya juga kaum Cina dan India di Malaysia.

Politik tidak dapat berdiri tanpa pendidikan.

Sebelum rakyat boleh dididik agar lebih faham justeru matang dan bijaksana, PAS dan DAP perlu saling mendidik jentera dan penyokong mereka agar memulakan setiap kerja dengan *al-Fahmu*.

Saya optimis.

ABU SAIF @ www.saifulislam.com
56000 Kuala Lumpur



[Ingin berkongsi usaha menggerakkan server Saifulislam.Com? Perkongsian anda kami dahulukan dengan ucapan jazakumulaahu khair al-jazaa'](#)

© SAIFULISLAM.COM (1998 - 2010)

Hak cipta terpelihara. Setiap artikel yang tersiar di Saifulislam.Com dihasilkan untuk tujuan pendidikan dan bersifat non-komersil. Pembaca bebas menyalin dan menyebarkan artikel yang terdapat di sini, namun alamat Saifulislam.Com hendaklah disertakan bersama untuk memudahkan proses rujukan. Manakala untuk penerbitan semula dan berorientasikan komersil, setiap bahagian daripada artikel ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain, sama ada dengan cara bercetak, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya, tanpa izin SAIFULISLAM.COM terlebih dahulu.

"Erti Hidup Pada Memberi"

ABU SAIF @ www.saifulislam.com
68000 Ampang, Selangor

-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-
-



[Print](#)

[Share this post!](#)

- [Twitter](#)
- [Digg](#)
- [Facebook](#)
- [Delicious](#)
- [StumbleUpon](#)
- [Google Bookmarks](#)
- [LinkedIn](#)
- [Yahoo Bookmarks](#)
- [Technorati Favorites](#)

This entry was posted by [Abu Saif](#) on 17/03/2008 at 9:17 am, and is filed under [Cabaran Islam](#), [Siasah](#). Follow any responses to this post through [RSS 2.0](#). Both comments and pings are currently closed.

- [Comments \(83\)](#).



-

[#1](#) written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

harap artikel ini dibaca dengan tidak tergesa-gesa



-

[#2](#) written by [RIDWANTO](#)
about 1 year ago

saya setuju dengan ulasan ustaz. Ini kan negara demokrasi! Kita mempunyai perlembagaan yang menjadi asas pembentukan negara bangsa bagi Malaysia. Ini juga adalah kontrak sosial



• [#3](#) written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

terima kasih ridwanto. lama dah tak dapat komen dari anta. ujian besar bagi pas, dap dan pkr ialah bagaimana mahu bergerak dalam keterbatasan yang ada... sebagaimana nabi saw ketika di mekah, tidak kelihatan melakukan apa-apa perbuatan yang menghuru harakan keadaan biar pun baginda dan kaum muslimin ditekan penuh agresif. dalam tekanan itu, mereka terus berkembang, sampailah akhirnya berupaya menegakkan sistem alternatif.



• [#4](#) written by [Kak Ija](#)
about 1 year ago

Jzkk ustaz kerana berkongsi ilmu, akak sibuk mengisi borang2 universiti, memang tak sempat nak baca hal2 ni lebih2 cuma risau je yg sempat dilakukan. Alhamdulillah hari ni Perak dapat MB tapi perjalanan pentadbiran Perak akan melihat senario yang berwarna-warni. Tesis Master ustaz pasti lebih hebat lagi dengan perkembangan terbaru ini. Selamat maju jaya untuk Perak dan Ustaz Abu Saif.



• [#5](#) written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

terima kasih kak ija. lama jugak akak tak tinggalkan komen di sini. saya ingatkan akak dah dalam pantang... moga semua berjalan lancar.

saya pun jadi hiruk pikuk membuat literature review disebabkan oleh perkembangan politik semasa. benarlah... sejarah ni lagi lewat belajar lagi susah jadinya sebab setiap hari yang berlalu adalah tambahan kepada silibus



• [#6](#) written by [Kaki Bangku](#)
about 1 year ago

Saya setuju dengan pandangan ustaz. Tiada bantahan. Cuma saya fikir, apa agaknya akan terjadi jika PAS terus menjernihkan (water down) agendanya hingga tiada ruang dan relevance untuk dimensi Islamnya?

Ustaz menyebutkan buku Islam In Transition. Dalam buku tersebut, dimuatkan artikel Abid Ullah Jan, "Compatibility: Neither Required Nor An Issue". Beliau sedikit sebanyak menjawab persoalan tersebut dengan menegaskan demokrasi bukan penyelesaiannya.



buat masa ni saya reserve data idea idea yang membolehkan demokrasi sebagai alat, kerana ia akan menjadi terlalu ideal untuk diguna pakai oleh kita yang kekurangan alat ini.

soal sejernih mana pas mahu menghidangkan pemikirannya, la ifraat wa laa tafreet... kita mencari wasathivvah... iaitu ketepatan

<http://saifulislam.com/?p=1595>

Go

AUG FEB SEP

05

2008 2010 2011



▼ About this capture

26 captures

18 Mar 2016 19 Mar 2016

#8 written by [syphoon](#)
about 1 year ago

Bukankah ini bermaksud lebih liberal Ustaz?



#9 written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

ya.. pendekatan dan tafsiran yang lebih liberal.

tetapi liberal tu apa?

again, kita kena discuss elok-elok semula apa yang kita faham tentang liberal. begitu juga dengan beberapa istilah yang ada dalam artikel di atas seperti pluralistik, modernisasi dan sebagainya.



#10 written by [aye](#)
about 1 year ago

Ya Allah, satu cetusan idea yg benar2 mencelikan ana kpd 'fahmu'.... Ana cadangkan ustaz try hantar artikel ni ke harakah atau siasah ye... Mudahan manfaat dari itu, para pendokong pas yang baca nanti akan lebih 'fahmu'....



#11 written by [ariff55](#)
about 1 year ago

bismillah, subhanallah yang memberi bekas...

2 sen teman,

kedua buku mengupas apa yg telah berlaku... tapi kite diaju oleh ust dan juga rawinto something futuristic, sementara ni teman nak berkelana sekejap...
nanti kembali insyaALLAH

kite tidak membekas...

about 1 year ago

bismillah

TQM something like paradigm shift



• [#13](#) written by [sisyahid](#)

about 1 year ago

salam...ramai dari sains sosial tidak aktif dlm memberi peranan terhadap gerakan politik di malaysia...hanya dr agus yusof shj yg banyak memberi kritikan yg bernas dlm isu politik malaysia..mana ahli sains politik yg lain...nampaknya mereka macam tiada idea...saya kagum dengan ahli sains tulen yg menunjukkan kesungguhan dlm berpolitik



• [#14](#) written by [ariff55](#)

about 1 year ago

bismillah

sebenarnya ramai, tapi tidak diketengah, kok low profile, yang mati-matian cuba alat social engineering, rebranding, PKLN contoh Bina Insan, tapi semuanya atas flatform secularism yg berpaksi kepada kebendaan keduniaan semata-mata, tidak seperti Rasulullah s.a.w yg social reengineeringnya menjadikan berebut rebut untuk membuat kebajikan,,, berlumba-lumba mendatangi masjid berjamaah kerana nabi s.a.w motivate dgn ganjaran akhirat yg lebih kekal... kebersihan contohnya Singapore ganjarkan dgn ????



• [#15](#) written by [Aiman](#)

about 1 year ago

Salam ustaz,

Apabila ustaz mengatakan bahawa “UMNO sudah tidak lagi berjuang atas satu idea dan pemikiran kecuali self interest”. adakah itu pandangan ustaz atau itu sememangnya fakta? How did you come to that conclusion? Based on your own observation or from a cumulative observation from various people.

Thank you for your time. Hope that your explanation would strengthen my understanding further.

syukran



• [#16](#) written by [Amin Ahmad](#)

about 1 year ago



• [#17](#) written by [zarith](#)
about 1 year ago

“PAS dan DAP perlu saling mendidik jentera dan penyokong mereka agar memulakan setiap kerja dengan al-Fahmu.”

kadang2 saya confuse.adakah matlamat perjuangan telah bertukar dari memartabatkan islam kepada melawan umno.sudah tentu kita tak bangkang jika pas menggugurkan negara islam dari manifestonya,dan konsep negara berkebijakan tu pun of course ada dasarnya pada islam,dan hudud pun belum sampai masa yg sesuai lagi utk pelaksanaannya.itu kita faham.tetapi kadang2 pelik juga kenapa begitu sgt anti umnonya.jika kita benci dgn umno yg sekular,DAP itu bukan sekular?atau adakah mereka komunis?sosialis?atau apa?DAP dan MCA walaupun tak sama parti kita dpt lihat bahwa mereka boleh tolerate when it comes to the benefits of the chinese.

jangan kita terlalu ghairah utk terlalu kanceng dgn DAP dan terlalu anti dengan saudara seislam kita.hakikatnya mereka itu bukan islam dan takde interest langsung dgn islam.hati-hatilah.jangan kerana terlalu hendak jatuhkan umno kita terlalu mengangkat orang bukan islam.nak pecat sesiapa yg mention tentang persepakatan umno-pas,tapi DAP punya la sanjung!



• [#18](#) written by [syphoon](#)
about 1 year ago

Just stop it, ruangan komen ini bukan untuk bertelagah. Kita semua yang memecahbelahkan antara satu sama lain.

Menampakkan kelemahan & kejahilan sendiri kepada musuh-musuh Islam, dek kerana masing-masing mahu mempertahankan ‘Akulah yang betul’.

Tiadalah lain ruangan ini melainkan untuk berbincang secara ilmiah, bukan untuk kutuk mengutuk. Sekiranya berminat, bolehlah membuka blog sendiri & tulis sepanjang mana yang anda kehendaki.

Wallahua3lam,



• [#19](#) written by [syphoon](#)
about 1 year ago

@zarith

Kenyataan TG Haji Hadi Awang telah menyatakan, PAS & DAP tiada hubungan rasmi, perantaraan antara kedua hanyalah PKR.

Begitu juga kenyataan Lim Kit Siang, yang menyatakan mereka tiada kerjasama rasmi dengan PAS, melainkan berkenaan isu-isu tertentu.

yang membuktikan mereka tidak seheja, insyallah tiada masalah.

PAS sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak yang cenderung kepada apa yang dianjurkan Islam.

Keadilan, perjuangan menuntut hak rakyat, pembelaan rakyat, semua isu yang dianjurkan Islam.

Sekiranya UMNO/BN boleh melaksanakan, tiada masalah untuk PAS bekerjasama (bukan bersama).

Tahu tetapi menafikan, tidak sama seperti jahil seperti menafikan.

Itulah perbezaan yang boleh diberikan antara UMNO - DAP.

Wallahua3lam.



• [#20](#) written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

saya nasihatkan agar kita semua tidak berlebihan menggunakan istilah yang saya tidak guna.

menyanjung DAP? itu adalah exaggeration. saya tak bawa DAP ke dalam tidur, atau berkongsi bantal selimut. segala kerjasama dibuat secara rasional, ada hujah dan ada batasannya...

komunis, sosialis, sekular? sudah berapa kali saya nak sebut bahawa asas kerjasama ialah keadilan vs kezaliman... keadilan yang menjadi tanggungjawab kita untuk melaksanakannya, dan kezaliman yang diharamkan Allah ke atas sekalian manusia... yang zalim biar pun muslim, mesti ditentang. yang mazlum biar pun kafir mesti dibela. itu sahaja...

pas bukan parti perkauman yang mempertimbangkan bangsa dengan membelakangkan agama.

jika dap itu belum cukup baik untuk dibuat kawan, menjadi tanggungjawab pas untuk memperbaikinya. asalkan kesemua pihak telus dan tulus berpakat memperjuangkan keadilan dan menentang kezaliman.

jika bn membersihkan elemen kezalimannya, dan kembali kepada skrip pemerintah yang betul, tiada sebab untuk pas terus bermusuhan dengan bn... tuan guru nik abdul aziz pun dah berbuih mulut mengulang point ini buat kali yang entah ke berapa



• [#21](#) written by [zarith](#)
about 1 year ago

saya minta maaf kerana exaggerate.emosional pulak tadi.jika dap belum cukup baik menjadi tgjwb pas utk memperbaikinya.tapi umno mesti bersihkan sendiri kezalimannya?

pas bukan parti perkauman yang memperibadikan bangsa dengan membelakangkan agama.”

adakah bn membelakangkan agama 100%?apakah mahkamah syariah,kewujudan bank2 islam semua tu tak diambil kira?kita tolak kezaliman dan penindasan yg dilakukan bn,rasuah dan kroni,tetapi org yg menangkap anuar dan mengaku zalim itu pun has already stepped down.tapi kita lihat golongan mana pula yg asyik quote individu itu utk attack pm skarang? yg mengatakan individu itu pejuang bangsa dan negara?

confuse.



[#22](#) written by [ajip](#)
about 1 year ago

assalamualaikum ustaz

apa kata kalau ustaz send artikel ustaz yang ini pada website malaysia-today atau ruang “letter” dalam malaysiakini.

mungkin dari sana kita boleh terima feedback dari mereka yang berlainan dasar



[#23](#) written by [ayahanas](#)
about 1 year ago

Assalamualaikum. Merujuk tulisan no 16 antisyiah.

Dah jemu sangat dengan orang yang mendakwa mereka sahajalah pejuang sunnah sedangkan diri sendiri berada dalam lingkungan bid’ah yang nyata. Amat keterlaluan melabelkan Ust Dr Harun Din sebagai orang yang memberi tempat kepada bid’ah. Apakah tuduhan ini sendiri tidak bid’ah? Kalau tidak pun ia adalah satu fitnah yang dahsyat yang dilontarkan kepada seorang yang mempunyai pendirian seumpama Dr Harun Din.

Biarpun ada juga kesalahan Dr Harun Din dalam masalah tertentu yang manusia tak dapat lari dari kesilapan namun dari segi kelayakkan, saya rasa ia lebih layak untuk saya meminta fatwa. Atas dasar merit kelayakkan seseorang untuk menjadi Mufti. Jahil sangatkah kita untuk menilai seorang hakim dengan panduan melalui fiqh al-qadha. Jahil sangatkah kita untuk menilai seorang mufti tanpa kelayakan asas untuk membolehkan seseorang itu menjadi mufti.

Saya sendiri berlatang belakangkan pengajian sunnah yang sudah jemu dengan telatah golongan seumpama ini sejak dua dekad yang lalu. Saya amat meraikan SS Mufti Perlis sebelum ia memegang jawatan tersebut atas dasar keterbukaan ilmu apatah lagi dalam mengenengahkan pendekatan dalam bidang sunnah. Kita ada agenda untuk membuat perubahan masyarakat untuk mengamalkan sunnah dalam erti kata sebenarnya. Namun apa yang berlaku ialah sebaliknya. Kita yang mendakwa untuk membuat perubahan tetapi terlebih dahulu berubah dari hala tuju sebenar.

Samalah halnya dalam hal ini. Abu Saif yang bersalah kerana bersikap skeptic dan bentuk penulisan scarsticnya. Namun dalam tulisan ss mufti apakah beliau maksum bila ada sahaja tulisannya yang bukan satu bahkan berjela-jela dan berulang kali unsur ini dibuatnya?. Rasionalnya bila kita membaling batu pada orang lain dalam hal tegur menegur adakah kita mengharapkan orang lain akan sentiasa mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan perbuatan kita, jika kita dalam masa yang sama tidak bersedia menerima lontaran tersebut?

Berfikir di luar kotak adalah sangat baik. Tetapi bukan dengan cara kita meletakkan diri dalam kotak yang lain(Shahidan) untuk berfikir pasal kotak ini.

Maaf sangat Abu Saif kerana dah panjang berjela ana tulis ini. Tetapi ana bbetul jemu dan meluat selepas tempoh yang panjang sentiasa sahaja ada golongan seumpama ini. Menegakkan sunnah tetapi Rasulullah jauh dari cara tersebut. Mengambil fikrah Yusof Qardawi tetapi tidak secara yang dimaksudkan dan lain-lain yang seumpama ini.

Maaf sekali lagi. Wassalam.



• [#24](#) written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

insya Allah kita berlapang dada... mari teruskan berbincang dan saya berpesan kepada diri saya sebelum pembaca, agar bertenang dan menulis dengan fikiran yang lurus.

kesulitan dengan BN untuk diperbaiki ialah mereka menafikan masalah dan menolak nasihat (of course nanti ada yang kata DAP pun dua kali lima... satu2 ye). Kekalahan BN dalam election, masih dirujuk kepada alasan-alasan berikut:

1. pengaruh pengundi muda yang keliru.
2. mengundi nurul izzah kerana rupa parasnya (ulasan prof apa entah masa malam keputusan election)
3. mengundi sebab saja nak cuba benda baru
4. kelemahan media perdana yang gagal berperanan dengan baik
5. pengaruh bloggers

alasan paling dekat dengan punca sebenar, setakat yang saya dengar ialah “BN gagal mendengar suara dan rintihan rakyat”, macam yang Mukhriz Mahathir sebut.

belum lagi saya ketemu dengan mana-mana pemimpin utama UMNO dan BN yang menyebut, “kita jatuh kerana korupsi, rasuah dan penindasan yang kita lakukan”

mungkin tidak sesuai, tetapi sekadar perbandingan, syarat islah dan taubat, ialah mengakui kesalahan.. barulah terbuka jalan pembaikan.. itu bezanya UMNO dengan orang lain.
Wallahu A’lam



• [#25](#) written by [Ibnu Aiman](#)
about 1 year ago



#26 written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

mencari kebenaran hanya terhasil jika seseorang itu meninggalkan stereotaip dan cliché



#27 written by [syphoon](#)
about 1 year ago

@ zarith (komen #26)

andai itu sahaja sudah cukup untuk menjadi bukti yg mereka memperjuangkan Islam, masih banyak lagi bukti mereka merendahkan Islam.

Kilang-kilang arak, pusat-pusat perjudian, siapa yang memberi permit?

Kelas pengajian, ceramah-ceramah agama, siapa yang menghalang & menangkap mereka yang terlibat?

Penutupan surau & penempatan rakyat, siapa yang bertanggungjawab?

Bagaimana boleh lahir satu masyarakat yg Islami sedangkan pembangunan dihasilkan daripada sumber kilang-kilang arak & pusat-pusat perjudian?

Wallahua3lam.

(emosional sikit kot, maaf kalau berlebihan. Btw ustaz, ada email buat Ustaz dari kami di Jordan, mohon untuk cek e-mel kalau berkesempatan)



#28 written by [mudin001](#)
about 1 year ago

Ana juga berharap sangat ustaz boleh membincangkan apa yang difahami daripada istilah liberal, sekularisme, pluralisme dan lain-lain. Terlalu banyak tafsiran dan pandangan, sehingga tidak tahu yang mana satu boleh dipegang.

Ataupun kita terlalu banyak berbincang soal istilah? Hrm...



#29 written by [ro ya alip dhod](#)
about 1 year ago

Maklumat dihujung jari,
Gunalah akal diberi
Bak kata Nabil, tempoh hari
“Lu pikir la sendiri”

• [#30](#) written by [ro ya alip dhod](#)
about 1 year ago

Premis 1 : Dalam masakan tradisi melayu, santan pekat adalah kewajiban dalam banyak masakan. lebih pekat akan menambah kelemakannya dan bertamabah umpphhh.

Premis 2 : Untuk menyesuaikan keadaan kesihatan, persekitaran yang sukar untuk mendapatkan santan , kelapa mahal dan lain2, santan pekat terpaksa dilupakan untuk memasak makanan tradisi melayu. Untuk jimat santan ditawarkan atau diganti dengan susu cair ideal.

Kedua2 premis diatas ada ke yang totally salah? Pencinta tradisi melayu akan kata yg 2 salah. Yang lebih praktikal akan kata yg 1 tak praktikal.

Boleh Abu Saif ana bagi analogi begini?



• [#31](#) written by **AziRa**
about 1 year ago

Hmm..

Mungkin boleh diambil kata2 ini:

Ketika lepas bebas di alam remaja,
impianku tidak mengenal batasan - aku ingin MENGUBAH DUNIA.

Bila usia meningkat dewasa dan aku semakin matang, ku sedari ... rupanya dunia tidak akan berubah.

Lalu aku bataskan jangkauan. Memadailah jika aku dapat MENGUBAH NEGARA. Namun ini juga tidak kesampaian.

Di usia senja, pilihan terakhirku ialah untuk
MENGUBAH KELUARGA dan mereka yang terdekat.
Malangnya... mereka juga tidak mampu ku ubah.

Kini, di perbaringan menanti maut, baru ku sedari
(mungkin buat kali pertama)

Andainya dahulu yang pertama ku ubah adalah DIRI SENDIRI - dengan menunjukkan teladan yang baik,

pasti aku dapat MENGUBAH KELUARGA.

Lantas... dengan sokongan dan dorongan semangat mereka,
aku pasti mampu MENGUBAH NEGARA.

DAN SIAPA TAHU... MUNGKIN JUGA AKU MAMPU
MENGUBAH DUNIA

Ini adalah tulisan ajaib yg ditemui di Nisan seorang paderi. Kata2 ini kemudian di muatkan dlm buku2 motivasi

(dicopy paste dari blog kawan saya)

Mungkin masing2 sama.. satu pihak memburukkan pihak yg laen...

Sebelah pihak mengatakan pihak yg laen bid'ah..

Sebelah pihak pula mengatakan pihak yang laen monyet..

Hanya sekadar menyatakan apa yang di rasa..
No Hurt Feelings k.. =)



• [#32](#) written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

PLEASE COME BACK TO THE ARTICLE



• [#33](#) written by [pena_prima](#)
about 1 year ago

Maksud akhir drp mesej artikel ini sangat sukar untuk dicapai dlm tempoh terdekat ini. Malah tidak mustahil perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri Perak berterusan tanpa pemurniaan falsafah hubungan (kalau tidak gabungan) yang jelas.

Diutarakan oleh pimpinan PAS bahawa BA secara rasmi bersama DAP akan dimulakan prosesnya selepas sempurnanya pembentukan kerajaan Selangor dan Perak.

Persoalan yang timbul, BA baru itu sendiri berasaskan apa? Adakah sekadar kerjasama politik menumbangkan BN bagi memerintah secara adil?-Itulah kerjasama singkat yang berlaku antara PAS-DAP secara kebetulan sepanjang kempen pilihan raya lalu.

Saya tidak fikir harapan ustaz dapat diterjemahkan secepat mungkin. Banyak halangan yang timbul. Paling menyengat ialah, kepercayaan sesama sendiri, selepas masing-masing menunjukkan “interest” masing-masing.

Juga kerana PKR itu sendiri terbinanya atas falsafah yang agak rapuh, berbeza DAP. Itu jika dilihat kepada PKR.


Apatah lagi jika hubungan PAS-DAP. Sekadar luahan. Saya belum optimis.



• [#34](#) written by [pena_prima](#)
about 1 year ago

Saya optimis terhadap perubahan dan kehendak pimpinan tertinggi PAS, tetapi belum optimis terhadap kesediaan majoriti jentera PAS termasuk dewan tertentu. Jentera PAS lebih cepat berlandaskan taat dan patuh terhadap sebarang arahan dan tindakan pimpinan.

Mungkin masalah ini tidak berlaku di dalam DAP. Saya fikir pemimpin DAP mudah untuk meyakinkan ahlinya. Penasihat seumur hidup DAP juga sudah bersuara supaya parti itu mengkaji semula hubungannya dengan PAS (kpd lebih baik)



(sekadar pandangan)



Salam...

Pas menang... boleh buat ceramah agama pun dah alhamdulillah... satu lorong terbuka utk rakyat menambah ilmu agama... Ya Allah Kurniakan lah kami ilmu yang mendekatkan kami dengan mu... amin



terima kasih pena prima kerana menyinggah.

actually saya pun tak mengharapkan agar content artikel ni terealisasi dengan pantas. ia satu proses yang panjang. malah saya dah sebut di dalam salah satu komen di atas yang saya tak dapat nak jernihkan idea tentang PKR buat masa ini. Pemikiran DAP dan PAS lebih jelas. Namun kerjasama yang ada boleh diteruskan. Cuma harap jangan ada masalah yang besar2 je la. Di tranungkite, artikel ni diulas dengan pelbagai nada. Walaupun ramai yang marah dengan tulisan saya yang kelihatannya macam tulisan makhluk asing, tapi saya terima sahaja kerana ia berguna untuk test ground. cuma tertarik apabila ada pengomen yang kata, PAS guna taqiyyah. sembunyikan isu negara islam tapi kalau cukup majoriti maka pas akan buat hudud dsb...

kalau statement tu dibuat oleh pimpinan pas dan dap baca, mahu demam kepialu dibuatnya



Sooner or later they have to accept the fact but to obtain strong support from our own Muslim will take such a long time...(be optimistic, I'm whispering the words to myself)



#39 written by [RIDWANTO](#)
about 1 year ago

pentadbiran mereka namun ia haruslah dalam kerangka pertembagaan Malaysia dan semangat kontrak sosial yang telah semua kaum sepakati 50 tahun dulu.

Dan yang paling penting, rakyat akan menilai serta melihat dengan penuh minat apa yang PAS dan DAP lakukan.

Justeru, kuasa rakyat akan kembali bergegar 5 tahun mendatang. Maka, saya memikirkan pemimpin kedua2 parti pasti akan berhati-hati mengeluarkan kenyataan, mengatur langkah, agar parti mereka terus relevan dalam situasi politik Malaysia.

Kita pun dapat melihat parti mana selepas sahaja keluar keputusan PRU 12 di umumkan, sehingga kini pun, cuba menyesuaikan diri dengan penerimaan rakyat kebanyakan orientasi gerakannya agar dapat diterima rakyat.

Paling terkini, penasihat seumur hidup DAP yang melunakkan suaranya agar, hubungan dengan PAS harus dikaji.

Walhasilnya, apa yang berlaku dalam senario politik tanah air kini, yang mendapat manfaat ialah rakyat.

Ini bertitik tolak dari 'keprihatinan' rakyat akan 'kuasa politik' yang rakyat miliki.

Semua parti harus berhati2 serta prihatin terhadap perubahan sekitar!



[#40](#) written by **ariff55**

about 1 year ago

bismillah, alhamdulillah pujian yg memberatkan timbangan akhirat...

Perubahan pasti berlaku dlm PAS dan juga DAP kerna kedua-dua parti telah ALLAH kurniakan kerusi pemerintah dlm DUN Perak dan jugak DUN Selangor

cuma sekarang PAS perlu amal mendirikan solat dan mengeluarkan zakat semoga ALLAH meneguhkan kedudukan, sesungguhnya pertolongan ALLAH itu sehampir sebuah doa... Nik Aziz telah buktikan... ALLAH yg memberi bekas bukan kudrat kita yang cuma setitis air mani...

DAP perlu adjust kerana DUN di iktik oleh Perlembagaan yg menyebelahi ISLAM... Islam itu tinggi tiada yg tinggi selain ISLAM... amin untuk doa yg mengubah takdir MALAYSIA insya ALLAH... bermula dari diri... Qum fan anzir... mesti dari diri dulu baru lah jadi Qudwah... pada anak isteri... keluarga terdekat... jiran tetangga... sekampung... setaman... senegara... RAHMATAN lil ALAMIN... ALLAHU AKBAR



[#41](#) written by **ariff55**

about 1 year ago

bismillah

Jangan kite ubah sunnah mula dari diri ni... begitu jugak PAS mula dari diri... begitu juga DAP mula dari diri...



Assalamu alaikum W.B.

pada pandangan saya, PAS masih lagi dan akan terus kekal memperjuangkan Negara Yang Berlandaskan Islam. Walaupun tidak meletakkan perkataan NERAGA ISLAM dalam manifesto dan poster-poster, ini tidak bermaksud PAS meninggalkan Islam.

Apakah dengan meletakkan perkataan ISLAM, baru dikatakan ISLAMIK?

Islam itu luas, serwajagat dan ideal lagi praktikal.

Kebajikan, keadilan, ketelusan, dan kesemua kata positif adalah termasuk dalam tuntutan Islam. Ini adalah apa yang sepatutnya diketahui oleh semua Umat Islam. Kita tidak boleh nak mengharap non-muslim faham semua ini, bahkan, suasana di negara kita menjadikan mustahil untuk non-muslim faham apa itu Islam.

Pada pemerhatian saya, kebanyakan non-muslim berpendapat bahawa Islam adalah Arabic, sedangkan ini tidak benar. Bahkan, ada juga tradisi orang Arab yang tidak Islamik.

pada pendapat saya, PAS perlu menerangkan kepada semua (muslim dan non muslim) apa itu Islam. Bahkan sebetulnya, ini bukan tugas PAS semata-mata, tapi tugas umat Islam keseluruhannya.



• [#43](#) written by **Minda Super**
about 1 year ago

Salam, sekadar mencelah dan bagi idea, mungkin benar mungkin silap, kalau silap harap ustaz delete sahaja.

Tertarik dengan artikel terbaru ustaz ini...Secara peribadi, saya berpendapat PAS buat masa ini tidak perlu fikir tentang negara islam. Yang utama, PRAKTIK amalan islam itu sendiri, macam ustaz tulis, kebajikan itu pun dari islam, keadilan itu pun dari islam, menentang kezaliman itu pun dari Islam.

Dalam masa yang sama ,PAS sepatutnya memberi sokongan kepada NGO-NGO Islam yang terlibat dengan dakwah Islah seperti ABIM, JIM dan ISMA serta HALUAN dan NGO dakwah islamiyah seperti PERKIM, ISS sepenuhnya tanpa ada perasaan curiga. Saya optimis dengan gaya yang dibuat oleh PAS, iaitu dapatkan negara dahulu kemudian buat Islam.

Sekarang negeri sudah ada, jadi usaha dakwah islah kepada muslim dan dakwah islamiyah kepada non muslim perlu diperkuatkan. Saya yakin, dengan menonjolkan kepimpinan yang amanah, bersih, menentang kezaliman ditambah dengan usaha dakwah yang kuat, insyaALLAH akhirnya rakyat sendiri akan menuntut untuk merealisasikan pelaksanaan syariat sepenuhnya. Biarlah kuasa rakyat juga yang menentukan pelaksanaan syariat tersebut.



• [#44](#) written by **aye**
about 1 year ago

lain. Metedini saudara muslimnya sendiri.

Dan ini pula saranan Ustaz Hasrizal.

“Inilah yang perlu digarap oleh PAS. Peluang untuk mengemaskinikan agendanya, mengolah kembali ideanya tentang politik Islam, Negara Islam dan pendiriannya tentang cabaran sekularisma, demokrasi, hubungan antara kaum, dan hal-hal yang lebih pluralistik sifatnya.”

Komen ana ;- Ada ‘perbezaan’ diantara ilmuan ini, dan mungkin result PRU12 di Selangor dan Perlis boleh djadikan gambarannya.. cuma bile baca hujah terakhir SS Surah al-Hujurat: 9..... confiuse ana, adakah PAS dan UMNO adalah kedua2 ‘parti’ org beriman.. 😊



[#45](#) written by **ahmh**
about 1 year ago

aye #comment 43

Pendapat mereka berdua berbeza kerana mereka melihat dari dua sudut yg berbeza. Seperti meneropong kereta proton saga baru dari lubang yang berbeza pada promosi proton yang lalu.

Di waktu promosi tu, kita boleh mendapat gambaran yang lebih jelas jika kita meneropong melalui semua lubang-lubang pada kotak kereta tersebut. 😊



[#46](#) written by **ariff55**
about 1 year ago

bismillah, tiada daya upaya melainkan...

2 sen teman

kesederhanaan DAP dan PAS itu sebenarnya...

PAS sekarang telah ALLAH kurniakan KUASA MEMERINTAH perlu berubah sifat kepada PENDAKWAH bukan lagi “PENGHUKUM”

dakwah mengembalikan saudara yg zalim kembali kepada ISLAM RAHMAT ALLAH

Muslim tetap muslim cuma zalim diri sendiri tidak boleh sampai menitiskan darah... HARAM...

lihat AFGHANISTAN... ALLAH hina Muslim di sana kerna tertumpahnya darah Muslim sekalipun dia Syiah...

jangan jadi seperti



Ustadz, terima kasih kerana mengemukakan pendapat komenter saya.

Melihat kepada perlunya PAS mendefinisikan semula secara harmoni terhadap beberapa perkara dan menilai semula perwatakan dan pembawaannya selama ini, saya melihat bahawa gerakan ke arah itu perlu wujud di segenap ceruk parti.

Jangan lagi dibiarkan Dewan Ulama untuk veteran semata-mata dan ustaz muda hanya tertumpu ke Dewan Pemuda.

Setakat ini, itulah yang saya sempat fikirkan...



[#48](#) written by [ariff55](#)
about 1 year ago

bismillah

MB Perak sudahpun memulakan pembawakan baru... Ketua Kampong dan JKKK dikekalkan... permulaan dakwah yg baik



[#49](#) written by [zai57f](#)
about 1 year ago

“Salam musyawarah “dengan penuh tenaga dan berlapang dada....bila “ombak kebenaran” melanda pasti yang bathil akan gugur satu persatu,cuma lambat atau lekas...”Salam kerahmatan dan kesejahteraan untuk semua”Wassalam.



[#50](#) written by [nasi tomato](#)
about 1 year ago

Salam

Nak tanya : adakah kita (baca sebagai pejuang Islam) menerima konsep Malaysian Malaysia DAP ?

Memang kalau konsep itu mementingkan keadilan kepada semua orang tak kira bangsa atau agama, kita sokong.

Tapi, adakah bermakna kita sudah bersedia “melepaskan” hak istimewa orang Melayu etc ? Dan jika kita (pejuang Islam) bersedia - i.e. kerana perkara2 hak istimewa etc orang Melayu ni sebenarnya “tidak adil” kepada bukan Melayu, dan tidak syar’ie dalam Islam yang mementingkan keadilan, - adakah rakyat (baca orang Melayu amnya) juga bersedia ? Cuba nak faham apa yang Ustaz hidangkan. Tapi nak kena faham dulu asasnya, sekarang kita ok ke tak ok kalau takde “ketuanan Melayu” ?



[#51](#) written by [Umar_Al_Khattab](#)
about 1 year ago

tanah melayu dan dan kepulauan indonesia telah menandatangani beberapa perjanjian ke atas portugis utk mendptkan kembali melaka. Mungkin tujuan utama pada ketika itu adalah utk meninggikan kembali kalimah Allah. Barat yang datang ke negara2 Islam mendukung motto " God,Glory and Gold" . Oleh itu mereka mempertahankan negara2 Islam yang mereka tawan supaya dapat meneruskan agenda mereka..seperti org2 bukan Islam skrg , portugis ketika itu juga mungkin berusaha keras utk memastikan hukum Islam tidak kembali terlaksana di Melaka.

Kemudian mungkin perjuangan utk menegakkan Islam itu telah terhakis sedikit demi sedikit dan akhirnya pada abad ke-19 dan ke-20 , perjuangan menentang penjajah adalah atas dasar nasionalisme dan bukan kerana memperjuangkan Islam. para pejuang memastikan bahawa org british meninggalkan tanah melayu dan memberikan kemerdekaan lebih drpd memastikan terdirinya sebuah negara Islam. Pada masa itu semua kaum telah bersatu utk memenuhi syarat British untuk memberikan kemerdekaan dan mereka telah mencorakkan hala tuju politik negara kita.

selepas kemerdekaan , perjuangan mendirikan negara Islam tidak diteruskan sama seperti perjuangan menuntut kemerdekaan. Seluruh rakyat malaysia ketika itu bersyukur atas kemerdekaan yang mereka capai selepas lebih 400 tahun di jajah , sehingga org2 Islam tidak menjadikan penubuhan negara Islam sebagai agenda utama.

point saya adalah , pada mulanya pejuang tanah melayu dan indonesia berjuang fi sabilillah iaitu utk mendptkan semula kedaulatan Islam. tapi setelah mereka menemui beberapa siri kegagalan , mereka telah ubah agenda mereka iaitu berjuang atas dasar nasionalisme dengan harapan dapat menegakkan negara Islam setelah penjajah dihalau keluar dari negara ini.

tapi perkara itu tidak berlaku , malah nikmat kemerdekaan yang Allah berikan itu telah menjadikan mereka lalai dgn keduaniaan dan Islam tidak menjadi matlamat utama dalam kehidupan ramai penduduk tanah melayu ketika itu..

adakah perkara yang sama akan berlaku semula kali ini ??? kegagalan demi kegagalan dalam menubuhkan negara Islam telah menjadikan kita ubah strategi dan berkompromi dgn non-muslim dan akhirnya generasi yg akan dtg pun akan melupakan agenda utama kita..

maaf sbb terlalu panjang...



[#52](#) written by **Pak Kinto**
about 1 year ago

Salam.

“Politik tidak dapat berdiri tanpa pendidikan.

Sebelum rakyat boleh dididik agar lebih faham justeru matang dan bijaksana, PAS dan DAP perlu saling mendidik jentera dan penyokong mereka agar memulakan setiap kerja dengan al-Fahmu.

Saya optimis.”

Dan, artikel usul yang terdapat ini adalah satu tamparan kepada rakan-rakan yang selalu berkata, "enta tak payah duk berkias-kias, berpantun-pantunlah kalau nak bagitau sesuatu. Straight to the pointlah. Saya tak suka. Berterus-teranglah."

Terkilan rasanya bila orang cakap macam. Tetapi komunikasi pun tetap ada seni. Itulah yang perlu PAS kuasai.

Buat rakan-rakan yang suka 'straight to the point', adakah kalian fikir orang bukan Islam akan memasang telinga apakala kalian kali pertama bertemu mereka dengan berkata, "kami nak tubuhkan negara Islam"?

Saya jangka mereka akan melompat kerana banyak sebab.

Politik adalah seni.



• [#53](#) written by **ariff55**
about 1 year ago

bismillah

Politik tak sinonim dgn siasah syar'iyah

maqasid

Indonesia telah buang Kesultanan

Malaysia masih

Brunei masih

Thailand masih - potensi menerima ISLAM

PRU12 membuka mata Kesultanan - Artikel 152 dan Artikel 153

buat masa ini Pembangkang di Parlimen masih tak cukup korum nak buang Artikel 152 atau Artikel 153

Akan datang Melayu Islam mesti di FAHMuK mengundi untuk jadi Majoriti dlm Dewan untuk ubah Perlembagaan - memperteguhkan KEtuanan Islam

semua ini mesti dimulakan dgn IQRA iaitu ILMU seterusnya AMAL

serulah saudara Muslim sekalian mengimarakan Masjid untuk laksanakan Sunat Muakkad SOLAT JAMAAH tapi yg paling FARDHU mengimarakan masih selepas solat jamah tu dgn Mengikuti MAJIS ILMU (fardhu ain)

sunat muakad solt fardu berjamaan dgn Fardhu Ain menuntut ilmu masih pejuang Islam tak beza susah - Fiqh AWLAWIYYAT

Terutamanya Pejuang dan penyokong - kamu sekarang bukan tidak menguasai Masjid... maka jadi QUDWAHlah... jangan masih di kepompong MARKAZ bertebaranlah menyeru kpd rahmat ilahi

about 1 year ago

Sila rujuk Artikel ini ..

<http://saifulislam.com/?p=1004>

tapi , bila saya baca artikel ini (Yg lebih pada politik) ..perkara2 yang di sebut di atas tak di ambil kira dan iktibar ...demi kuasa dan mengalahkan sesama islam (umno) pas sanggup bekerjasama dengan DAP ..Yang nyata2 tak menerima islam . Tapi demi kuasa di perak sanggup bersatu dengan pas (sebab kalau pas tak join mereka tak kan ada kuasa langsung)... so fikir2 kan la



#55 written by [Abu Saif](#)

about 1 year ago

maybe kena eja elok-elok nama HAMBAA ALLAH... jangan tergesa-gesa.

sekali lagi saya terpaksa mengulang perkara yang sama. saya ulang dalam bentuk bullet point supaya lebih TERANG dan JELAS.

* artikel “AGAMAKU BERDIRI DI ANTARA DUA JANGAN” bercakap tentang larangan cenderung kepada orang-orang yang zalim. Siapakah yang zalim? Yang menghukum penjara orang tanpa perbicaraan, yang menuduh Anwar Ibrahim dengan tuduhan liwat, yang merasuah, yang merompak kekayaan negara atas nama DEB... siapa yang buat kerja tu? DAP atau UMNO / BN?

* “DAP nyata2 tidak menerima Islam?”. Apa benda yang DAP tak terima tu? Kalau tak terima negara Islam, maka yang ditolak ialah konsep Negara Islam. Negara Islam dan Islam adalah dua topik yang berasingan.

* Bagaimana dengan MCA, MIC, Gerakan, PPP? Apakah mereka menerima Islam lantas bekerjasama dengan BN atau UMNO boleh?

* DAP tidak bersatu dengan PAS,tetapi mereka bekerjasama. Ia dibuat atas beberapa titik persefahaman. Lakum Dinukum wa Liya Deen masih berjalan.

* Salahkah berjuang “DEMI KUASA”? Kuasa yang nak diperolehi itu bukannya untuk cari modal buat bungalow, atau pakai kereta mewah, atau hisap cerut RM300 sebatang. Kuasa yang dicari itu adalah untuk melaksanakan tuntutan Islam. Antaranya ialah untuk mengatur dan menghukum manusia dengan keadilan.

Artikel saya bukan rojak, maka janganlah komen dengan pasembur.



#56 written by kr

about 1 year ago

Assalamualaikum,

BN... mungkin mereka tidak ada kerahaman dan penghayatan Islam yang betul... so x boleh biarkan mereka selama-lamanya dalam kejahilan... wallahua'lam.. ni cuma pendpt sy..



[#57](#) written by **ariff55**
about 1 year ago

bismillah

DAP tidak menerima Negara Islam, PAS memperjuangkan Negara yang di dalamnya terlaksana ISLAM, saudara se islam dalam partisan masing masing bercanggah pendapat menjunjung kedaulatan islam atau kedaulatan Melayu/bangsa mana yang lebih afdal...

Bangsa ARAB di semenanjung Arab bertelagah antara mereka kerana mendaulatkan Kabilah masing-masing sehingga sanggup berperang bermati-matian tapi apabila Rasulullah s.a.w membawa rahmat baru BANGSA ARAB sedar bahawa ALLAH telah muliakan BANGSA ARAB ini mengatasi BANGSA YAHUDI MEKAH DAN MADINAH dengan ISLAM

YAHUDI sehingga sekarang masih berpegang mereka adalah BANGSA termulia, dan mereka menjaga status quo dengan memporak perandakan DAKWAH ISLAM dgn berbagai nama perjuangan kosmetik mengkaburkan perjuangan menegakkan ISLAM sebagai addeen

Astagfirullah... perang salib masih mereka anjurkan... percayalah

malaysian malaysia itu baik tapi ia muncul daripada Nafsu dan akal manusia... ISLAM daripada ALLAH dan Rasul.. marilah tukar perjuangan keranan sesungguhnya bangsa MALAYSIA akan mulia dgn ALLAH yakinlah kawan-kawan dari partisan UMNO... kembali bersatu demi perpaduan UMMAH...



[#58](#) written by **Irbid Keramat**
about 1 year ago

salam...

dalam usaha untuk mewujudkan negara Islam,PAS perlu memikirkan cara yang paling sesuai untuk bekerjasama bersama DAP...

pada pandangan saya konsep "malaysian malaysia" DAP itu bukanlah satu ideologi yang sempit dan PAS boleh mengkaji nilai2 baik yang boleh dipersetujui di dalamnya dan menolak unsur yang tidak baik dan bercanggah dengan Islam...

ia berkait kepada usaha liberalisasi sebuah kerajaan dengan penyamarataan hak,penolakan kasta warisan,kebebasan bersuara dan bertukar idea,menghadkan kuasa pemerintah dan "rule of law"(tiada sesiapa melebihi undang2),sebuah ekonomi bercampur dan 'market based',pembentukan sebuah kerajaan yang lebih 'transparent' dan terbuka untuk semua... jika dikaji,banyak nilai baik yang wujud dalam liberalisme yang baru wujud ,sebenarnya sudah dipraktikkan zaman berzaman sejak zaman Rasulullah SAW sehingga kepada semua khilafah yang menyebabkan Islam itu mampu tersebar dan memerintah sebahagian besar dunia suatu ketika dulu...

tetapi tidak dapat dinafikan terdapat kepincangannya seperti penolakan institusi keagamaan dan penglibatan agama dalam perlembagaan sebuah kerajaan...

pada pandangan saya Islam itu tidak boleh diambil sebagai sebuah agama yang jumud yang tidak membenarkan perbincangan dan ruang untuk perluasan perasaan dalam perkara2 yang tidak berkaitan dengan aqidah atau hukum2 feqah.

Islam juga mengajarkan akhlak dan tatacara berhubungan sesama manusia, jiran tetangga, muamalah dengan orang kafir dan adab-adab berurusan dengan mereka...

Islam tidak sekali-sekali membenarkan kezaliman walaupun ia ke atas orang kafir... tetapi ia tidak bermakna kita membenarkan mereka menolak usaha menegakkan Islam dalam pemerintahan...

penjernihan hubungan PAS-DAP ini akan menjadi landasan kepada anjakan pemikiran dan ideologi berlandaskan Islam yang saya berpendapat pada akhirnya akan menghasilkan sebuah kerjasama yang harmoni dalam negara kita Malaysia yang tercinta ini insyaAllah... selamat.



• [#59](#) written by [Ibnu Abas](#)
about 1 year ago

Ustaz, terima kasih kerana banyak menerangkan yang samar.
Dan menjelaskan panjang lebar, dan meringkas padat untuk memahamkan dan mencerahkan.

Diri yang masih tak memahami, yang mencari-cari,
tapi belum menemui.

Syukran jiddan kerana bersabar atas semua.
Moga Allah memberi kesabaran yang lebih besar,
jua mengurnia kebijaksanaan dan hikmah untuk mencapai tujuan
yang hakiki. Membawa semuanya kembali pada-Nya,
melalui sarana yang tersendiri.

Salam Maulidurrasul, ya ustaz..
dan semuanya jua.



• [#60](#) written by [AziRa](#)
about 1 year ago

Tuhan sayang pada kamu..
Lantas Tuhan memberikan kamu peringatan dalam bentuk kekalahan..
Jadi belajarlh dari kekalahan itu..
Jangan berburuk sangka pada Tuhanmu..

Tuhan sayang pada kamu..
Lantas Tuhan memberikan kamu ujian dalam bentuk kemenangan..
Jadi belajarlh dari kemenangan itu..
Bersyukur pada Tuhanmu..

Salam Maulidur Rasul buat semua.. =)

about 1 year ago

ustaz,

saya ahli rasmi gerakan islam gamis

saya musykil, kenapa PAS bekerjasama dengan DAP? seloah2 bergabung dalam perjuangan? bukankah kita tak boleh bersahabat dengan orang kafir yang menentang islam (DAP menentang pelaksanaan hukum islam) tolong leraikan kekeliruan saya

jazakallah



• [#62](#) written by [ro ya alip dhod](#)
about 1 year ago

Anggota gerakan islam sehebat gamis perlu lebih tajam minda. Bukan sekadar menadah jawapan.



• [#63](#) written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

“Intelligent” sufi,

Anda baca ke artikel saya di atas? Dan baca tak komen-komen yang berpuluh tu? Harap janganlah heret kami semua ke square one semula... 😞



• [#64](#) written by [intelligent_sufi](#)
about 1 year ago

maafkan ana ustaz...
ana dah baca tapi ana rasa masih belum terjawab...



• [#65](#) written by [intelligent_sufi](#)
about 1 year ago

ana minta izin untuk masukkan web ustaz ke link blog ana..
http://intelligentsufi.blogs.friendster.com/intelligent_sufi/

tentang persoalan ana tu, insyaALLAH ana akan usaha mencari...
syukran jazilan atas usaha ustaz menyebarkan ilmu-ilmu yang sangat bermanfaat..

about 1 year ago

Sebenarnya, saya tidak menyalahkan intelligent_sufi atas persoalan tersebut.

Perlu saya clarify di sini, bahawa PAS tiada kerjasama dengan DAP. PAS hanya bekerjasama dengan PKR dan begitu juga dengan DAP yang hanya bekerjasama dengan PKR. Namun, perkembangan yang berlaku di Perak dan Selangor, memerlukan kerjasama langsung antara ketiga-tiga parti ini.

Soalnya, apakah asas kerjasama itu? Saya menyimpulkan (hasil feedback artikel ini dan perbualan langsung dengan pelbagai pihak), bahawa perubahan yang dilakukan oleh PAS dalam PRU baru-baru ini, adalah tidak difahami secara sekata, even oleh ahli PAS sendiri.

Ada yang menganggap perubahan PAS dari Negara Islam kepada Negara Berkebajikan sebagai strategi politik semata-mata. PAS melihat isu Negara Islam tidak mungkin dapat diketengahkan memandangkan realiti kependudukan Malaysia (**keyword: temporary solution**)

Ada yang beranggapan bahawa PAS hanya ber'taqiyyah'. Pura-pura meninggalkan isu Negara Islam (i.e hudud?!), tetapi jika cukup majoriti dan dapat peluang, maka PAS akan buat hudud (**keyword: manipulative and double face**)

Ada yang beranggapan bahawa PAS telah mengalah dan meninggalkan terus Negara Islam yang diperjuangkan sebelum ini (**keyword: change the principle, neo-PAS**)

Ada yang beranggapan bahawa PAS telah melakukan pendefinisian semula terhadap apakah yang dimaksudkannya sebagai Negara Islam. Bahawa ia bukan sekadar soal hudud, tetapi membabitkan good governance, justice, anti corruption, effectiveness and efficiency dan ini yang diperjuangkannya (**keyword: redefinition, progress or decline?**)

Ada pula yang beranggapan sebaliknya, bahawa PAS tidak boleh bekerjasama dengan DAP atau PKR, PAS tidak sepatutnya tukar ke Negara Berkebajikan dan PAS telah melakukan kesalahan yang serius dalam PRU baru-baru ini (**keyword: fundamentalism and fundamentalists?**)

Maka segala kemungkinan di atas... bermaksud intelligent sufi, GAMIS dan kita semua perlu lebih banyak meneroka, berwacana, membaca dan mengkaji



[#67](#) written by Kekabupaten
about 1 year ago

Assalamualaikum..
Semoga Ustaz dirahmati Allah.

Menarik juga melihat artikel Ustaz. Selama saya hidup dan mula memahami, dan sepanjang saya memerhatikan perjuangan PAS, ini detik yang berlainan sekali.

Tapi saya ikhtilaf Ustaz, saya tak optimis langsung dengan hubungan PAS - DAP ini. Antara penghalangnya dapat kita lihat dari senario berikut.

blog mereka ni, cakap mereka sama seperti dudu dengan cakap yang tidak bertapis terhadap PAS. (Jengah aje)


2. Usaha PAS untuk membentuk hubungan dengan DAP hanya berat sebelah iaitu PAS berlebih-lebihan memujuk DAP sedangkan pendirian DAP tidak berganjak sedikit pun. Cuma kenyataan sahaja dikeluarkan oleh LKS tetapi ianya lebih kepada kenyataan politik tanpa tindakan yang selari. Kita lihat PAS Kedah sanggup bagi good gesture kepada DAP dengan melantik seorang DAP untuk Exco tapi DAP Pulau Pinang langsung tidak memandang kepada calon PAS yang menang DUN Permatang Pasir, walaupun PAS menang dengan majoriti yang besar.

3. DAP nak hapuskan DEB langsung tidak berbincang dengan PAS. DAP juga tidak control media mereka macam PAS control media mereka. Kenyataan Salahudin Ayub dan Mahfuz Omar yang meminta DAP tidak menghapuskan DEB tidak dikeluarkan media PAS untuk menjaga hubungan dengan DAP. Sedangkan DAP tidak ada sikap sebegitu rupa. DAP bebas mengeluarkan kenyataan yang memburukkan DEB, walaupun Kelantan dan Kedah masih mengamalkan DEB. DAP juga tanpa segan silu mengeluarkan kenyataan terkejut dengan perlantikan MB PAS di Perak walaupun undang2 jelas tak bagi non-muslim jadi MB. PAS dengan hati yang terluka melarang medianya menyiarkan kenyataan itu.

4. PAS memilih untuk melihat secara positif kepada DAP dan pada masa yang sama memandang jijik kepada UMNO, itu satu langkah yang penuh risiko, mengundang tipu daya musuh, jalannya rumit, padahnya besar. Kita lihat kenyataan PAS yang sebelum ini mengatakan Malaysia adalah Negara secular diambil kesempatan oleh DAP, apabila Karpal baru-baru ini mencabar PAS untuk mengisytiharkan Malaysia negara secular. Saya begitu sedih apabila PAS dilihat mendiamkan diri bagi menjaga hati DAP itu.

5. PAS masih lagi bukan di posisi mengawal tetapi dalam posisi defensive yang meresahkan. PAS seolah-olah seperti MCA atau MIC di dalam BN sedangkan DAP seperti UMNOnya. PAS sudah pergi jauh sehingga hendak delete perkataan Negara Islam di dalam kamusnya dan pada masa yang sama mengharap DAP hanya bagi makna lain bagi perkataan secular di dalam kamus DAP. Satu offer yang tidak seimbang dan penuh risiko. Sama seperti penjanjian Palestin dan Israel.

Ini antara keresahan saya. Tetapi semuanya atas iradah dan kudrat-Nya. Pejuang2 Islam dalam PAS banyak buat kerja jika hendakkan hasil seperti Ustaz artikelkan itu. Tapi janganlah sampai nanti nak ada larangan pula untuk gelaran 'pejuang Islam'. Saya bukan insider PAS, UMNO pun bukan. Pejuang Islam, insyaAllah..



[#68](#) written by **fx8000**
about 1 year ago

kita memang pakar memberi pendapat dan pandangan begini dan begitu tentang sesuatu perkara dan tak ubah seperti penyokong bola sepak. buat sepakan penalti pun tak masuk kata kita, tapi kita sebenarnya tidak pernah mewakili apa-apa pertandingan dalam bolasepak. Inilah realiti yg saya lihat dalam mana-mana blog. jika betul hebat masuklah bertanding dan jika dah menang tu cubalah kotakan janji tu, sesungguhnya perjuangan yg betul2 ikhlas itu berat dugaannya. (dengarlah kisah mereka yg berada di penjara kamunting tu) kalau tak sanggup dgn dugaan tu bagi kat org lain. Tips utk rakyat malaysia, cari ilmu, fahamkan dan buat tindakan dalam pilihanraya.

about 1 year ago

Wallahua'lam

Jika nak lihat yang paling ikhlas berjuang dan paling susah dugaannya anggota2 J.I lah. Begitu ikhlas meletupkan diri dan bersusah payah mengebom tempat-tempat strategik. Disana-sini kalau diketahui pihak berkuasa kena tangkap dan ditahan tanpa bicara.

Adakah dengan itu kita perlu menjadi anggota J.I untuk jadi ikhlas.



• [#70](#) written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

kena mati dulu baru layak bercakap tentang kematian?



• [#71](#) written by [fx8000](#)
about 1 year ago

setuju sangat dgn kekabupaten, jangan menjadi anggota J.I kerana perjuangan J.I itu memang ikhlas dan boleh membawa kematian. kalau nak berjuang pun biar berpada-pada. Buat apa susahkan diri dan lihat diri kita sekarang, gaji bulan hampir 5 ribu sebulan belum masuk gaji bini 3 ribu, itu semua rezeki Allah bagi pada kita. Buat apa kita susah payah berjuang sedangkan kita sudah hidup senang. Harap-harap kalau Tuhan nak bagi bala tu sebab banyak sangat maksiat di Malaysia ni jangan kena pada kita semua, biar kena pada mereka yg melakukan maksiat je.



• [#72](#) written by [Kekabupaten](#)
about 1 year ago


Setuju jugak, maksiat kita cegah sedaya upaya.

Sesamalah kita mengharapkan pengampunan, hidayah dan petunjuk. Doakan jauh dari bala.



• [#73](#) written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

siapa dia yang gaji RM5K sebulan tu?



Persatuan Negara Berkeadilan ni, bukan bermaksud PAS gadai prinsip. Ana melihatnya hanyalah perubahan strategi. Adakah tak sebut Negara Islam dalam kempen dah kira gadai prinsip? Ana melihat Negara Berkeadilan dan Negara Islam ni sebenarnya objek yg sama, cuma sudut pandangan aje yg diubah. Umumnya DAP dan non-muslim agak takut dengan label Negara Islam, jd PAS ubah label Negara Berkeadilan. PAS tak 'highlight' Negara Islam, bukan bermaksud isu Negara Islam tak penting, ia penting. Dan tak pernah pun ana dengar kenyataan rasmi pimpinan PAS utk tolak isu Negara Islam. Strategi ni tipudaya dalam perang... biasa la.



[#75](#) written by **311**
about 1 year ago

" In Pakatan Rakyat, DAP makes it clear that our stand on Malaysia as a secular state and our objection to turn Malaysia into an Islamic state is a fundamental principle which is not open to compromise - while MCA and Gerakan had compromised away this principle in the Barisan Nasional by accepting the public declarations of Mahathir, Abdullah and Najib of Malaysia as an Islamic state. "

<http://blog.limkitsiang.com/2008/04/13/islamic-state-mcagerakan-should-stop-hypocrisy-and-double-standards/>

macam mane dgn kenyataan ni pulak? saya ahli UMNO tp bukan yg hardcore punye, sekadar ahli, saya ramai kawan ahli PAS, dan x pernah anggap PAS sbg musuh.. saya harapkan penjelasan disini..

- tolong jgn hentam saya xtentu pasal sbb saya ahli UMNO. saya pun nak belajar..



[#76](#) written by **311**
about 1 year ago

satu lagi, baca komen DAP supporters kat blog tu..
sume anti islamic state. dan saya x fikir diorg ckp mcm tu sbb hasutan UMNO atau pun org lain, memang terang terangan itu pendirian diorg..

- saya sokong islamic state!!!



[#77](#) written by [Abu Saif](#)
about 1 year ago

Terima kasih 311 kerana berkongsi pandangan dan kesungguhan. Tiada sebab untuk saya marah atau melenting kerana inilah yang saya dan kita semua harapkan.

Untuk meringkaskan perbincangan, saya mulakan dengan satu point utama ialah APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN NEGARA ISLAM?

berkerjasama dengan OMNO yang menegakkan negara Islam. Menyang cacat merba dan tidak tentu hala jadinya.

Tetapi saya pecahkan kepada point berikut:

1. Mahathir isytiharkan Malaysia Negara Islam berdasarkan definisi beliau.
2. PAS anggap definisi Mahathir tentang negara Islam tidak betul, maka PAS terus dengan agenda menegakkan negara Islamnya yang lain definisi berbanding definisi Mahathir.
3. MCA, MIC, Gerakan tak komen bab ni sebab, banyak sebab. Maybe kerana beranggapan statement Mahathir hanya retorik dan tak menjejaskan apa2.
4. DAP menentang definisi negara Islam PAS, juga menolak negara Islam Mahathir. DAP nak Negara Sekular (macam definisi PM TAR)
5. Menjelang PRU12, PAS redefine apa yang mereka maksudkan dengan negara Islam yang mereka perjuangkan. Perjuangan masih dengan benda yang sama, tetapi mengubah keutamaan dan pendekatan.
3. DAP merasakan definisi dan pendekatan baru PAS, membuka kembali ruang untuk kerjasama kerana ada portion “negara sekular” dan portion “negara Islam” yang berkongsi pinggan. Sekular dan Islam bukan dua subjek yang secara mutlaknya bertentangan.

Prinsip utama yang disepakati sebagai intipati Islam dan keutamaan PAS ialah keadilan dan menentang kezaliman. DAP setuju, PKR setuju. Barisan Nasional tidak setuju kerana mereka mahu mempertahankan banyak perkara yang mengukuhkan kezaliman di negara ini.

Enough untuk sesi kali ini 😊

Jangan baca laju-laju ya. Setiap satu point ialah bahan untuk berfikir dan mencari...

Salam ukhuwwah penuh kasih sayang!



[#78](#) written by **three elevents**
about 1 year ago

thanks ustaz.. saya akan terus membaca dan mengkaji.



[#79](#) written by **Mann**
about 1 year ago

Salaaman, Ustaz..

Saya tak fikir BN tu zalim, cuma kekurangan tu adalah.. belum sampai tahap zalim.. kalau nak rasa zalim pergi negara orang lain.. baru tahu apa tu zalim..

Idea berkongsi pinggan ni secara teorinya dengar macam “fair to all”. Hakikatnya adakah ianya sebegitu rupa?

ini. Dimana modul-modul tindakan untuk menangani PAS telah dirancang dengan begitu cermat dan teliti dengan mengambilkira kaedah-kaedah dan teori politik yang terkini oleh pakar-pakar politik yang memperjuangkan New Secular Order. Setakat isu Taqiyah itu, mereka dah dapat menjangkakannya dan sudah ada formula khusus untuk berhadapan dengan PAS.

Benar mereka tidak akan berkompromi. Mereka bukan MCA dan MIC.

Konsep berkongsi pinggan ini hanya sesedap retorik untuk menyedapkan telinga dan hati bahawa semuanya under control. Bahawa PAS tidak sesekali akan menggadaikan perinsip. Saya tidak mengatakan PAS mahu menggadaikan prinsip tapi adakah PAS “berkemampuan” secara hakikatnya menangani permainan politik satu pihak yang belakangnya mempunyai satu kekuatan asing yang gagal dibaca oleh PAS.

Sedarkah PAS secara realitinya selepas mengetepikan layer-layer ilusi yang diciptanya sendiri menilai kekuatan diri dan hakikat kemampuan untuk benar-benar menjadi tunjang kepada perjuangan hakikat.

Sudahkah dikira oleh PAS peratusan portion nasi didalam pinggan yang diperolehi setelah berkongsi pinggan dengan DAP. Siapakah yang dapat portion nasi yang terbanyak apabila makan didalam satu pinggan yang sama.

Dan sekiranya setelah sesi makan bermula dilihat secara realitinya DAP mempunyai bahagian nasi yang lebih banyak. Adakah PAS selepas itu akan berpuashati dan redha menerima bahagian yang akan dikaitkan dengan takdir.

Atau PAS bersikap husnul zon dengan DAP dengan iqtikad bahawa berada didalam pemerintahan sekular DAP yang adil dan baik adalah lebih afdhal daripada berada didalam pemerintahan negara Islam UMNO yang zalim. Mungkin ada yang berhujah aqli bahawa pemerintahan sekular di kota Asad menunjukkan orang Islam berada keadaan aman damai dan bahagaia diperintah oleh undang-undang sekular.

Apakah yang sebenarnya yang dimahukan oleh PAS? Saya tidak fikir PAS mampu mendaulatkan Islam sebagaimana yang diperjuangkannya sekiranya melihat perkembangan dan senario semasa.

Ini kerana secara saya berpendapat DAP itu ke destinasiya adalah lebih dekat dan praktikal daripada visi dan misi PAS ke destinasiya. Cuma PAS tidak mahu atau gagal menaksirkan keadaan tersebut.

Wallahua’lam



[Abu Saif](#) reply on May 4th, 2008 2:55 pm:

PAS tidak akan mampu membina dan mengukur keupayaan sebenarnya selagi mereka berkarya di luar gelanggang. Kini keberadaan PAS di dalam gelanggang berguna untuk menjadi ‘tekanan’ yang positif untuk PAS mengerjakan percakapannya. Percubaan selama 5 tahun ini adalah masa terbaik bagi PAS menjernihkan seruan-seruannya dalam bentuk praktikal.

Mampukah?

Saya lebih cenderung untuk membina harapan bersama pasukan kurang kuat yang sedang bekerja keras untuk membina kekuatan, berbanding dengan pasukan yang menggadai integriti dalam lambakan korupsi dan konspirasi.

Ia suatu percubaan dalam tempoh masa 5 tahun



[#80](#) written by kak ain
about 1 year ago

salam

sy bukan nak komen tapi sekadar untuk berkongsi apa yang saya pelajari dr kuliah agama dan pembacaan serta hasil pengamatan sy. sy sokong negara berkeadilan dan ke arah menuju negara islam yang Pas idam-idamkan malah sy amat2 ternanti saat itu menjelma sebelum Al Dajal menjelma kerana wahai manusia sedar lah dunia yang kita semua sayangi ini sedang menuju ke penghujungnya namun dalam pada itu kita tak boleh berpeluk tubuh mesti belajar, mengkaji serta bertindak mengikut saluran Al Quran dan Al Hadis. Pd pendpt saya apa yang Pas perjuangkan adalah dari pengalaman dan peristiwa2 yang dilalui oleh manusia terdahulu dr kita bg sy jika kita sangsi dengan apa jua yg Al Quran nyatakan maka kita akan terkeluar dari pegangan keislaman mengikut tarap kekufuran kita tersebut.

Bg sy tiada salah nya Pas bekerjasama dng mana-mana parti yg ada di Msia krn Pas perlu menjelaskan kefahaman yg sebnrnya kepada parti2 yg tidak faham apa itu perjuangan & pegangan Islam org2 islam. org2 mengakui beragama islam, mrk pun perlu mendalami ajaran islam itu sndri tak blh mendabik dada menyatakan sy seorg beragama Islam - sbb dah solat, puasa, gi haji tp sngt suka menfitnah, brpura2, cakap tak serupa bikin, tak hargai alam sekitar - buang sampah merata2 dan lain-lain sifat yg boleh menbezakan kita penganut agama Islam dng yg lain.

Ini lah Pas telah, sedang & akan terus perjuangan sehingga kiamat memberi kefahaman yang sebenar-benarnya apa itu Islam kpd penganut agama Islam & yg bkn Islam itu kerna tugas ini bg sy bukanya mudah sekiranya tidak berserta dng perolongan Allah swt krn DIA telah memperkenaan kpd hanmbanya - yg bekerja untuk DIA akan mendpt habuan yg tak di sangka2.

Dlm hal Pas perlu istiqmah dan terus berpegang kpd perjuangan asalnya kerna yakinlah dng janji-janji Allah swt kerana di sana nanti kita akan ditnya apa yang telah kita lakukan utk memenangkan, meyebarkan agama Allah swt ini kpd yang tidak mengetahui/faham, dan ingatlah janji-janji Allah swt itu adalah Benar Belaka.

Apa yang baik itu Hanya Dr Allah swt kerana bila manusia membuat kebaikan maka akan ada sesuatu disebaliknya - ada kepentingan utk diri sndri serta utk bemegah2 dan ingatlah kita ini pangkatnya Hamba Saja di sisi Allah swt.

Wassalam



[#81](#) written by bonda
about 1 year ago

disamakan pendekatan Pas disamakan dengan pendekatan teokratik.

http://kelantantv.pas.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=420&Itemid=39



#82 written by **SuaraMuda**
about 1 year ago

Salamualaikum,

Soalan dan kenyataan dari saya setelah membaca artikel saudara:

1. Adakah Islam itu tertegak dengan logik akal?
2. Benarkah Demokrasi ada didalam Islam? (Jangan disamakan dgn Syura!)
3. Apa itu Khawarij dan ciri-cirinya?
4. Malaysia negara sekular, Iran pula negara Islam?
5. Sedih kerana Pas berpelukan dengan DAP tetapi tidak dengan UMNO yang masih dikafirkan.



Abu Saif reply on July 27th, 2008 10:53 pm:

Wsalam WBT.

1. Islam juga tidak tertegak dengan menafikan akal.
2. Apa yang anda maksudkan dengan demokrasi?
3. Apa kaitannya Khawarij dan ciri-cirinya dengan perbincangan ini?
4. Fitnah dan kecelaan lisan menuduh seperti ini bahawa PAS memeluk DAP dan UMNO dikafirkan!!! Bertaubatlah kepada Allah dari prasangka keji seperti ini!

Falyaql khairan aw liyasmut!



#83 written by **SuaraMuda**
about 1 year ago

Terima Kasih atas jawapan saudara.

1. Bagi membatalkan hujah Aqlaniyun. Ini jawapan dari Imam Bahbabary: “Ketahulah saudaraku, Agama ini adalah datang dari Allah dan bukan berdasarkan akal dan pemikiran manusia.”
2. Jawab pertanyaan saya dahulu sebelum menyoal saya kembali.
3. Jawab pertanyaan saya dahulu sebelum menyoal saya kembali.
4. Tidak dijawab.

p/s: Siapa yg lebih keji?. saya atau anda yg berani menfatwakan undi PAS berpahala dan lagi teruk lagi 'menfatwakan' Undi DAP juga berpahala?! Mana anda belajar?!

Abu Hurairah meriwayatkan dari Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam: "Akan tiba kepada umat manusia masa-masa yang penuh tipu daya. Para pendusta dianggap orang yg jujur sebaliknya orang yang jujur dianggap pendusta. Orang yang khianat dianggap amanah dan orang yang amanah dianggap pendusta. Dan para ruwaibidhoh mulai berbicara! Sahabat bertanya: Siapa itu Ruwaibidhoh? Baginda menjawab: Orang bodoh berbicara tentang urusan ummah. - Hadith Riwayat Ahmad, Abu Dawud, Turmizy dan Ibn Majah.

Dari Abu Umayyah al Jumahy, bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: "Sesungguhnya di antara tanda-tanda telah dekatnya hari kiamat adalah akan dituntutnya ilmu dari as shogir (orang-orang yg tidak faham AlQuran dan AsSunnah serta meninggalkan fahaman sahabat)." - Riwayat Ibnu al Mubarak disahihkan oleh As Syaikh Al Albany

Allahualambissawab....



Hakim *reply on July 28th, 2008 7:28 pm:*

Slm ust.

Ana rasa Suaramuda ni dah salah msk gelanggang. Org yg berfahaman salafi jenis saudi atau geng-geng ust rasul dahri n lain2 yg mcm tu, kalau campur tgn isu politik mmg akan bagi komen2 bodoh mcm ni. Ana rasa suaramuda ada satu idea ttg pas ni camne, ikhwani camne, kemudian dia judge ust ikut idea tu. Ana tak jumpe pun katne ust tulis "undi DAP dapat pahala" sbb ana tu yg ust jarang olah tulisan guna "mane yg ada pahala, mana yg dosa". tapi tu la.. suaramuda ni dah ada idea, dia terus je hukum ust dgn benda yg ust tak ckp.

Geng2 ni lbh bencikan PAS daripada DAP, so saye rasa, ust takyah la jawab benda2 camni. bila kite kritik dia, dia kata kita kritik salaf. padahal dia dan salaf, jauh panggang dari api.

Sori ustaz. Cakap lepas sket



[Abu Saif](#) *reply on July 28th, 2008 7:57 pm:*

Wsalam WBT.

Sejujurnya, saya memang tidak tahu apa cara nak bercakap dengan golongan ini. Sebahagiannya cuba saya ungkapkan dalam artikel SAYA SAHIH SEBAB RUJUKAN SAYA SAHIH di <http://saifulislam.com/?p=257>

Comments are closed.

- **User Login**

☒ Remember me

- [Register](#)
- [Lost your password?](#)

- **My Twitter Update**

-1

[Follow me on Twitter!](#)

- **Mesej Hijrah: Percaya dan Berjaya**

- **Search Saifulislam.Com**

powered by 

16:53 15/2/10, [50 online](#)

Information

1. Name
2. Password

Control

[Refresh](#)

- [ummuSaif](#) "maybe ustaz nak rehat dalam 3-4 hari dulu tu kot. byk kerja tertunggak"

Details

08:53 15/2/10
tiada

•

- [Upcoming Events](#)



- **KALENDAR & JEMPUTAN**

Bagi jadual penuh dan borang jemputan program, [klik di sini](#)

- **Usahawan**




MADE WITH MYBANNERMAKER.COM




www.kedatnasyrah.blogspot.com
Baju kurung moden, T-shirt muslimah, Blouse, Tudung, Kain, kerongsang, pusing & jubah



• Usahawan



KETERANGAN
LANJUT
MENGENAINYA



• Get Recent Comments

- [KHUTBAH JUMAAT: Sinergi Memanfaatkan Perbezaan \(10\)](#)
 - [adikeica87](#): khutbah yg tepat di saat masalah bertimbun timbun di...
 - [zikri](#): syukran ustaz, khutbah ustaz memang bertenaga dan bersinergi.....
 - [Muhammad Yap](#): Assalamu' alaikum,ustaz.. Jazaka Allahu Khoiron atas...
 - [rio helmie](#): betul juga ya ustaz..manusia selalu memusuhi apa yang dia...
 - [al-iman](#): terima kasih ustaz.menyedark an saya tentang perlunya berbuat...
- [Jangan Sekadar Syurga Dunia \(98\)](#)
 - [Abu Saif](#): @1409, sebab setiap hari lauknya berbeza-beza. cubalah makan...
 - [1409](#): asal bg cth sambal sotong??? bagi la cth nasik..sy makan hari2 tak...
 - [Umar](#): Ni entry yang agak ramai komentatornya Terus kan berkarya ya akhi...
 - [Muhammad Firdaus](#): Saya amat setuju sekali dengan isu yang diutarakan...
- [Epal Busuk Hadiah Pengantin Baru \(55\)](#)
 - [rio helmie](#): Salam ustaz Umar..hidup dan bekerja di Limkokwing adalah...
 - [Umar](#): Ya akhi kareem...ja zakallah khairan kerana sudi singgah ke...
 - [muhammadalfateh87](#): saya juga kadang kala rasa senasib dengan ustaz....
 - [nur](#): "yang manis jangan terus ditelan, yang pahit jangan terus...
 - [umihassan](#): Assalamualaikum Ustaz, IMO.. mungkin ini berlaku kerana lebih...
- [Isabella: Cinta Dua Dunia \(62\)](#)
 - [Nuril](#): Salam. Dulu, saya pernah baca novel ini, milik pakcik saya. Bila...
- [Kenapa Mahu Menjadi Doktor? \(293\)](#)
 - [anismadiah](#): salam,saya pelajar aliran sains tulen agama. pada tahun nie...
- [Saifulislam.Com Halalkan 'Couple'? \(144\)](#)
 - [nurul hidayah bani](#): salam,maaf sy terus jimp pada comment sy tanpa bc...
- [Jadual Aktiviti / Jemputan \(4\)](#)
 - [ana hussain](#): assalamualaikum ... saya ingin menghantar anak...
- [Bahagiakan Dirimu Dengan Satu Isteri \(201\)](#)
 - [umihassan](#): Assalamualaikum Ustaz, Komen ni hanya lontaran perasaan...
- [Kesungguhan Tanpa Tuhan dan Akhirat? \(44\)](#)
 - [anna](#): Sekadar ingin berkongsi pengalaman berada di Jepun berbelas-be...

• Views

- [Artikel](#) - 216,682 views
- [Audio](#) - 64,617 views
- [Biodata](#) - 51,292 views
- [Kenapa Mahu Menjadi Doktor?](#) - 49,011 views
- [Cinta Songsang Semakin Songsang](#) - 41,699 views
- [Fitnah Filem Fitna!](#) - 36,067 views
- [Adam-adam Sebelum ADAM?](#) - 34,316 views
- [Cinta Tanpa Syarat](#) - 33,587 views
- [Erti Sebuah Perkahwinan](#) - 25,472 views
- [Facebook: Antara Pro dan Kontra](#) - 24,075 views

• Pasukan STC

- [M.O.V.I.N.G-F.O.R.W.A.R.D.S](#) Blog Pengarah Pentadbiran & Kewangan
- [Mencari Permata Cordova](#) Blog Pengarah Pembangunan Modul & Kejurulatihan
- [Menerobos Mata Hati](#) Blog Pengarah Perancangan Strategik & Pengurusan Aset
- [Recent comments](#)

- [Categories](#)
- [Airbourne](#)
- [Akademik](#)
- [ATN3](#)
- [Bahasa Jiwa](#)
- [BUKU: Aku Terima Nikahnya](#)
- [BUKU: Bercinta Sampai ke Syurga](#)
- [BUKU: Rindu Bau Pohon Tin](#)
- [Cabaran Islam](#)
- [Ceramah](#)
- [Diari Kembara - Australia](#)
- [Diari Kembara - Eropah](#)
- [Diari Kembara - Indonesia](#)
- [Diari Kembara - Jepun](#)
- [Diari Kembara - Malaysia](#)
- [Diari Kembara - Turki](#)
- [Diari Kembara -Dataran Syam II](#)
- [Diari Kembara Diri](#)
- [English](#)
- [Jadual](#)
- [Kampus](#)
- [Keluarga](#)
- [Kesihatan](#)
- [Khutbah](#)
- [Kreatif](#)
- [Laporan STC](#)
- [Majalah SOLUSI](#)
- [Mukmin Profesional](#)
- [Pengumuman](#)
- [Ramadhan](#)
- [Revolusi Sikap](#)
- [Siasah](#)
- [Teknologi](#)
- [Teladan Hidup](#)
- [Zikir Fikir](#)

[adam](#) [Aid](#) [Bobo](#) [buku](#) [Burma](#) [Ceramah](#) [cinta](#) [Cyclone](#) [dakwah](#) [darwinism](#) [Dialogue](#) [Discovery](#) [donation](#)

[durhaka](#) [Edward Said](#) [evolution](#) [Fathi Yakan](#) [Generation](#) [history](#) [Interfaith](#) [Ireland](#) [Islam](#) [IYEP](#) [JUST](#) [Kampus](#)

[Keluarga](#) [Margaret Marcus](#) [MPF](#) [Myanmar](#) [Nargis](#) [Organ](#) [PERMAI'08](#) [PPIMI](#) [Prayer](#) [Puasa](#) [PUISI](#) [Quran](#) [Ramadhan](#)

[Seminar](#) [Singapura](#) [SIS](#) [Sunnatullah](#) [Syariatullah](#) [transplant](#) [Yogyakarta](#)

- [February 2010](#)
- [January 2010](#)
- [December 2009](#)
- [November 2009](#)
- [October 2009](#)
- [September 2009](#)
- [August 2009](#)
- [July 2009](#)
- [June 2009](#)
- [May 2009](#)
- [April 2009](#)

- [December 2008](#)
- [November 2008](#)
- [October 2008](#)
- [September 2008](#)
- [August 2008](#)
- [July 2008](#)
- [June 2008](#)
- [May 2008](#)
- [April 2008](#)
- [March 2008](#)
- [February 2008](#)
- [January 2008](#)
- [December 2007](#)
- [November 2007](#)
- [October 2007](#)
- [September 2007](#)
- [August 2007](#)
- [July 2007](#)
- [June 2007](#)
- [May 2007](#)
- [April 2007](#)
- [March 2007](#)
- [February 2007](#)
- [January 2007](#)
- [December 2006](#)
- [November 2006](#)
- [October 2006](#)
- [September 2006](#)
- [August 2006](#)
- [July 2006](#)
- [June 2006](#)
- [May 2006](#)
- [April 2006](#)
- [March 2006](#)
- [February 2006](#)
- [January 2006](#)
- [November 2005](#)
- [October 2005](#)
- [September 2005](#)
- [August 2005](#)
- [May 2005](#)
- [March 2005](#)
- [February 2005](#)
- [December 2004](#)
- [February 2004](#)
- [April 2002](#)
- [July 2001](#)
- [April 2000](#)
- [August 1999](#)
- [Kenapa Mahu Menjadi Doktor? \(293\)](#)
- [Jodoh Tidak Datang Bergolek \(207\)](#)
- [Kahwin Semasa Belajar \(206\)](#)

- [Entry #1000: Saya Bukan Anti Politik, Tetapi... \(170\)](#)
- [Buntunya Bapa Terhadap Pendidikan Anaknya \(169\)](#)
- [Selamat Tiba Ahmad Muizzuddin \(169\)](#)
- [Adam-adam Sebelum ADAM? \(164\)](#)
- [adikeica87: khutbah yg tepat di saat masalah bertimbun timbun di Malaysia..](#)
- [Abu Saif: @1409, sebab setiap hari lauknya berbeza-beza. cubalah makan nasi kosong setiap hari, tahun depan...](#)
- [1409: asal bg cth sambal sotong??? bagi la cth nasik..sy makan hari2 tak mual pon..](#)
- [zikri: syukran ustaz, khutbah ustaz memang bertenaga dan bersinergi.. jarang jumpa khutbah yang ada...](#)
- [Muhammad Yap: Assalamu'alaikum,ustaz.. Jazaka Allahu Khoiron atas khutbah yg disiarkan dan artikel2 lain.....](#)
- [rio helmie: betul juga ya ustaz..manusia selalu memusuhi apa yang dia tidak tahu..saya juga selalu...](#)
- [rio helmie: Salam ustaz Umar..hidup dan bekerja di Limkokwing adalah ujian besar ustaz... hanya surau kecil tu...](#)
- [al-iman: terima kasih ustaz.menyedarkan saya tentang perlunya berbuat baik. terhadap kejahatan.saya harap...](#)
- [Nuril: Salam. Dulu, saya pernah baca novel ini, milik pakcik saya. Bila saya jumpa, dia cakap, ambillah....](#)
- [Umar: Ni entry yang agak ramai komentatornya Terus kan berkarya ya akhi kareem...memang erti hidup pada...](#)

Mystique theme by [digitalnature](#) | Powered by [WordPress](#)
[RSS Feeds](#) [XHTML 1.1](#) [Top](#)